

97.78 peratus tidak mencarum untuk pelakon kanak-kanak, orang muda

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
 TUAN MUHAMAD ADNAN  
 PUTRAJAYA

**S**ebanyak 97.78 peratus dari pada 361 syarikat produksi yang mengajukan pelakon kanak-kanak dan orang muda di dalam filem dan drama tidak melakukan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, Kajian Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda Dalam Filem dan Drama juga menunjukkan hanya 2.22 peratus syarikat produksi berbuat demikian.

“Ia menunjukkan tiada kesedaran syarikat produksi selain melihat pelakon kanak-kanak dan orang muda itu sebagai bukan pencari nafkah keluarga.

“Kelebihan dan akta dalam konteks ini perlu diperlakukan,” katanya ketika ditemui pemberita selepas melancarkan Laporan Kajian Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang

# Banyak syarikat produksi tidak mencarum KWSP

Muda Dalam Filem dan Drama di sini pada Isnin.

Menurutnya, sebanyak 73.13 peratus syarikat produksi juga tidak mengetahui mengenai keperluan untuk mendapatkan lesen permit hiburan awam daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

“Hanya 4.16 peratus yang menyedari kepentingan lesen berkenaan manakala 22.71 peratus lagi tidak pasti,” ujar beliau.

Beliau berkata, sebanyak 52.91 peratus syarikat produksi tidak pernah memohon lesen terbabit manakala 47.09 peratus lagi tidak pasti.

“Sejumlah 63.43 peratus responden setuju bahawa aktiviti pendidikan perburuan perlu ditingkatkan agar kesedaran mengenai perkara itu dapat diperlakukan,” ujarnya.

Mohd Uzir berkata, tiga kumpulan umur tertinggi pelakon kanak-kanak dan orang muda merangkumi 32.69 peratus usia 15 hingga 17 tahun 11 bulan dan 32.41 peratus berusia antara 13 hingga

14 tahun 11 bulan.

“Sebanyak 24.65 peratus kanak-kanak lima tahun 11 bulan sehingga 12 tahun 11 bulan menjadi pelakon,” katanya.

Tambahnya, ibu merupakan golongan tertinggi penerima bayaran bagi pihak kanak-kanak dan pelakon muda iaitu sebanyak 50.42 peratus.

“Peratusan bapa sebagai penerima pula adalah 18.84 peratus manakala 14.40 peratus oleh penjaga,” kata Mohd Uzir.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan Buku Kajian Diaspora Malaysia di Brunei yang menunjukkan 68 peratus dalam kalangan mereka adalah pekerja mahir dan 24.1 peratus adalah pekerja separa mahir.

“50 peratus diaspora berada di Brunei kerana bekerja manakala 50 peratus lagi bagi tujuan lain seperti berkahwin dengan warga Brunei (39.4 peratus), urusan keluarga (31.6 peratus), mengikuti pasangan bekerja (23.1 peratus) dan menjalankan perniagaan (16.4 peratus),” katanya.



**Mohd Uzir (kanan)** bersama Pengarah Kanan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Datuk Asri Ab Rahman selepas melancarkan Laporan Kajian Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda Dalam Filem dan Drama di Putrajaya pada Isnin.